

29/06/2002

Penarafan mata wang asing Malaysia kini pada BBB

STANDARD and Poor's (S&P), agensi penarafan kredit terkemuka antarabangsa, mengukuhkan penarafan jangka panjang bagi mata wang asing Malaysia pada BBB.

Serentak itu, S&P dalam kenyataan yang dikeluarkan di London, semalam, turut memberikan unjuran penarafan masa depan yang positif kepada Malaysia.

S&P juga mengesahkan semula penarafan mata wang asing yang diberikannya kepada Malaysia pada BBB/'A-3' dan penarafan kedaulatan mata wang tempatan 'A'/A-1,

Katanya, penarafan dan unjuran itu dibuat berdasarkan keyakinannya bahawa penyusunan semula ekonomi Malaysia mampu kekal walaupun selepas pengunduran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Oktober tahun depan.

Pengumuman S&P itu, bersama dengan beberapa berita positif lain, membantu harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), ditutup kukuh, semalam.

Pada akhir dagangan semalam, Indeks Komposit BSKL melonjak 1.95 peratus atau 13.86 mata untuk ditutup pada 725.44 selepas dibuka pada 712.65 mata pada awal dagangan.

Kenaikan itu didorong minat belian kukuh terhadap saham mewah yang mencatat penurunan besar sejak beberapa hari lalu apabila pasaran terjejas dengan pelbagai berita ketidaktentuan.

Sabtu lalu, Perdana Menteri mengejutkan negara dengan mengumumkan hasratnya meletakkan semua jawatan yang dipegangnya di dalam kerajaan dan politik.

Beliau akan melepaskan jawatannya Oktober tahun depan dan melantik Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menggantikan tempatnya.

S&P berkata, pelan peralihan kuasa itu jelas berkesan meredakan sebarang ketidaktentuan jangka pendek dalam dasar yang diamalkan oleh Malaysia.

"Pada masa yang sama, ia juga menjamin persekitaran yang selesa dan mengelak berlakunya krisis peralihan kuasa selepas Dr Mahathir melepaskan jawatannya," katanya.

Malaysia diberi penarafan Baa2 oleh Moody's Investors Service (Moody's) dengan unjuran masa depan yang positif dan BBB oleh Fitch Ratings (Fitch).

Kedudukan penarafan itu ialah dalam jajaran gred pelaburan, sekali gus membolehkannya mendapat laluan kepada kumpulan pemberi pinjaman yang luas.

Moody's juga kelmarin mengumumkan bahawa perkembangan yang berlaku berhubung pengumuman pengunduran Dr Mahathir tidak akan menjejaskan penarafan yang diberikannya kepada Malaysia.

Katanya, perkara itu sudah diambil kira dalam tinjauan penarafannya dan disokong oleh hakikat Perdana Menteri akan kekal dengan jawatannya lebih setahun lagi.

(END)